KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 5 JULAI 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

*World Communications*

5/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KANAK-KANAK MAUT JATUH DARI TINGKAT 10** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984082/kanak-kanak-maut-jatuh-dari-tingkat-10 | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/04/kanak-kanak-perempuan-maut-jatuh-dari-tingkat-10-apartment/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/04/kanak-kanak-maut-jatuh-dari-tingkat-10-kondominium/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266431/berita/semasa/budak-perempuan-maut-jatuh-dari-tingkat-10 | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-maut-jatuh-dari-tingkat-10-kondominium-426606 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2203296 | BERNAMA.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kanak-kanak-maut-jatuh-dari-tingkat-10-bangunan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=IZt__vzOxSQ | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **WANITA ROSAKKAN BAHAGIAN DINDING BBP BAGAN JERMAL DIREMAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/wanita-rosakkan-bahagian-dinding-bbp-bagan-jermal-direman/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984208/polis-tahan-wanita-masalah-mental-rosakkan-logo-bbp-bagan-jermal | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266509/berita/semasa/wanita-disyaki-alami-masalah-mental-ceroboh-balai-bomba-ditahan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-wanita-lakukan-khianat-di-balai-bomba-bagan-jermal-426671 | ASTROAWANI.COM |

5/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **DADAH: KERANI WANITA TERSENYUM TERLEPAS HUKUMAN MATI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266457/berita/semasa/dadah-kerani-wanita-tersenyum-terlepas-hukuman-mati | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/04/mahkamah-bekas-kerani-wanita-lega-lepas-bebas-tujuh-pertuduhan-dadah/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bekas-kerani-wanita-bebas-tuduhan-edar-miliki-pelbagai-jenis-dadah/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/04/mahkamah-bebaskan-wanita-dikaitkan-dengan-kesalahan-dadah/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **NGOS TO MEET HOME MINISTRY ON CHANGES TO CITIZENSHIP LAWS FOR ABANDONED CHILDREN** | |
| | https://www.malaysianow.com/news/2023/07/04/ngos-to-meet-home-ministry-on-changes-to-citizenship-laws-for-abandoned-children | MALAYSIANOW.COM |
| | https://selangorjournal.my/2023/07/meeting-soon-on-citizenship-issue-of-abandoned-children/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **KOC WANITA BAGI MRT, LRT DIRANCANG** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1122222/koc-wanita-bagi-mrt-lrt-dirancang | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984169/koc-wanita-mrt-laluan-kajang-diperkenalkan-dalam-masa-terdekat | HMETRO.COM.MY |

5/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **LELAKI BERTOPENG BERSENJATAKAN PARANG SAMUN WANITA DITAHAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266576/berita/semasa/lelaki-bertopeng-bersenjatakan-parang-samun-wanita-ditahan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984326/polis-tahan-lelaki-bertopeng-samun-wanita-guna-parang | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/04/suspek-samun-wanita-guna-parang-diberkas-positif-dadah/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **MEKANIK RUGI RM200,000 DIUGUT SEBAR VIDEO LUCAH OLEH WANITA BERNAMA 'YAYA'** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mekanik-rugi-rm200000-diugut-sebar-video-lucah-oleh-wanita-bernama-yaya-426627 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **HELP ON THE WAY FOR ‘10-KG MAN’ IN TERENGGANU** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/04/help-on-the-way-for-10-kg-man-in-terengganu | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **MINISTRY COMMITTED TO EMPOWERING WOMEN IN ENTREPRENEURSHIP, SAYS FATIMAH** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/07/04/ministry-committed-to-empowering-women-in-entrepreneurship-says-fatimah/ | THEBORNEOPOST.COM |

5/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **EXPLORING THE ROOT CAUSES OF INCEST** | |
| | https://www.themalaysianinsight.com/s/450687 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **45,420 PERKAHWINAN BERAKHIR DENGAN AIR MATA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/983989/45420-perkahwinan-berakhir-dengan-air-mata | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **TIGA GERAN DISEDIAKAN UNTUK USAHAWAN WANITA SARAWAK** | |
| | https://tvstv.my/2023/07/04/tiga-geran-disediakan-untuk-usahawan-wanita-sarawak/ | TVSTV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **SUKAR BESARKAN LIMA ANAK SELEPAS KEMATIAN SUAMI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/04/sukar-besarkan-lima-anak-selepas-kematian-suami/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **TIGA BERADIK TIADA KAD PENGENALAN DIRI DIBANTU** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-beradik-tiada-kad-pengenalan-diri-dibantu-426512 | ASTROAWANI.COM |

5/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **WARGA EMAS RUGI RM40,000 DIPUKAU TIGA WANITA** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/warga-emas-rugi-rm40000-dipukau-tiga-wanita/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **MINTA DIPANGGIL 'ABANG', WANITA CEMAS DIGANGGU PAK CIK KETIKA BERIADAH** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/04/minta-dipanggil-abang-wanita-cemas-diganggu-pak-cik-ketika-beriadah/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **KAWAL, PANTAU PENGGUNAAN INTERNET ELAK ANAK TERJEBAK GEJALA SOSIAL** | |
| | https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/07/1122062/kawal-pantau-penggunaan-internet-elak-anak-terjebak-gejala | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **LELAKI DIDAKWA KEMUKA MAKLUMAT PALSU KELAHIRAN BAYI GUNA KAEDAH IBU TUMPANG** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/04/lelaki-didakwa-kemuka-maklumat-palsu-kelahiran-bayi-guna-kaedah-ibu-tumpang/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **PERANAN WANITA DALAM MEMBANGUN MALAYSIA MADANI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/amp/rencana/2023/07/984181/peranan-wanita-dalam-membangun-malaysia-madani | HMETRO.COM.MY |

5/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **'USTAZ, SAYA NAK MINTA TOLONG...'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984289/ustaz-saya-nak-minta-tolong | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **LELAKI OKU DISYAKI BUNUH BAPA DISAMBUNG REMAN LIMA HARI LAGI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984230/lelaki-oku-disyaki-bunuh-bapa-disambung-reman-lima-hari-lagi | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **ISU KANAK-KANAK TANPA DOKUMEN TERUS DIBERI PERHATIAN** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/04/isu-kanak-kanak-tanpa-dokumen-terus-diberi-perhatian | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **2,800 PEK MAKANAN BERKHASIAT DIAGIH, ELAK TUMBESARAN KANAK-KANAK TERBANTUT, KURANG ZAT** | |
| | https://selangorkini.my/2023/07/2800-pek-makanan-berkhasiat-diagih-elak-tumbesaran-kanak-kanak-terbantut-kurang-zat/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **ADIK JADI WALI KAKAK, RUPANYA ANAK ANGKAT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/04/adik-jadi-wali-kakak-rupanya-anak-angkat/ | KOSMO.COM.MY |

5/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **LELAKI MAUT, 3 WANITA PARAH PERODUA KANCIL TERBABIT KEMALANGAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984320/lelaki-maut-3-wanita-parah-perodua-kancil-terbabit-kemalangan | HMETRO.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 2 KALI DIUJI KEHILANGAN AHLI KELUARGA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 05 JUL 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 2 kali diuji kehilangan ahli keluarga

**Chukai:** "Tahun lalu, Allah uji saya dengan kehilangan ibu tersayang akibat sakit tua. Hari ini, saya sekali lagi berdepan dengan ujian ini," kata Shahrizal Saliman, abang kepada Muhammad Fikri, 24, yang belum ditemui dalam tragedi kepala air di Kampung Air Putih, Kemaman.

Shahrizal, 40, berkata dia yang tinggal di Kampung Parit Kuda, Mukim 1, Kampung Lubuk Semerah, Batu Pahat, tiba kira-kira jam 2 pagi di Kemaman untuk menyaksikan sendiri operasi mencari adiknya.

"Saya tiba di Kemaman dengan ditemani lapan ahli keluarga untuk melihat sendiri kawasan bencana ini.

"Dalam hati ini hanya Tuhan yang tahu. Saya nak tengok juga adik biarpun dia ditemui dalam apa keadaan sekalipun," katanya.

Shahrizal berkata, adiknya itu tidak memaklumkan untuk bersama keluarga tunangnya pergi berkelah di kawasan kemalangan itu.

"Dia hanya maklum untuk pergi beraya di rumah keluarga tunangnya di Felda Lepar Hilir 3 dan maklum akan balik ke Batu Pahat, pada Sabtu atau Ahad.



*Shahrizal Saliman*

"Kami sempat bermohon maaf pada pagi raya sebelum adik bertolak dengan motosikal ke rumah tunangnya," katanya yang tinggal serumah dengan adiknya.

Katanya, dia dan adiknya sangat rapat, malah adiknya itu satu-satunya tempat dia mengadu.

"Selepas majlis pertunangan pada Februari lalu, saya bersama abang, adik perempuan serta dan Fikri merancang untuk mengadakan majlis perkahwinan itu pada tahun depan.

"Tiba-tiba Muhammad Fikri mahu majlis perkahwinannya dipercepatkan dan kami bersetuju pada Disember ini," katanya.

Katanya, dia ada bertanya pada adiknya mengenai belanja persiapan majlis perkahwinannya, namun arwah hanya berdiam.

"Saya tahu pendapatan adik yang bekerja di kedai makan tidak besar, namun kebelakangan ini adik kelihatan bekerja keras termasuk kerja lebih masa dan pantang disuruh dia akan segera menyelesaikan kerja kawannya," katanya yang masih bujang.

TAJUK : DUA LAGI MAYAT DITEMUI

HARI : RABU | AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 05 JUL 2023 | M/SURAT : 07

TONE : NEUTRAL | SEKTOR : KPWKM


### Tragedi kepala air Jeram Air Putih

# Dua lagi mayat ditemui

## Jenazah enam beranak dibawa ke Felda Lepar Hilir 3 untuk dikebumikan

Oleh Zatul Iffah Zolkiply dan Rosli Ilham
bhnews@bh.com.my

**Chukai:** Mayat kelapan mangsa tragedi kepala air di Jeram Air Putih di sini, ditemui petang semalam.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan, berkata mayat dikenali sebagai Putri Alleya Maisarah, 16, ditemui kira-kira jam 3 petang di kawasan beting jeram.

Beliau berkata, mayat mangsa ditemui berhampiran mangsa kedua yang ditemui pada Isnin.

Terdahulu, mayat ketujuh yang ditemui semalam disahkan sebagai Putri Balqis Izzati Abdul Rahman, 18, selepas ahli keluarga membuat pengecaman.

Mayat Putri Balqis Izzati ditemui di belakang Masjid Dadong, kira-kira jam 7.45 pagi, pada jarak 24 kilometer (km) dari lokasi kejadian.

"Enam mayat mangsa termasuk empat yang ditemui semalam (kelmarin) dan dibawa ke di Unit Forensik HSNZ Kuala Terengganu akan diserahkan kepada keluarga untuk urusan pengebumian.

"Dengan penemuan ini, jumlah keseluruhan mangsa ditemui lapan orang, dengan dua masih hilang," katanya.

Dalam pada itu, Hanyan turut mengingatkan orang ramai agar tidak menularkan berita yang tidak tepat dan palsu.

"Hentikan penyebaran berita palsu ini. Maklumat yang sahih hanya datang daripada pihak kami. Jangan sebarkan berita palsu yang boleh mengaibkan keluarga," katanya.

Dua yang belum ditemui setakat petang semalam ialah Putri Nor Fatin, 14; dan tunang kepada Putri Balqis Izzati iaitu Muhammad Fikri Saliman, 24.

Ahad lalu, seorang wanita dan anak lelakinya ditemukan lemas. Mayat pertama, Azizah Eiyi, 40, ditemui jam 12.45 tengah hari kelmarin, diikuti mayat Muhammad Zulqarnain Haikal Karim, 11, ditemui tersangkut pada batang pokok, kira-kira jam 3 petang hari sama.

Mayat empat lagi mangsa iaitu Putri Aryana Umaira Karim, 4; Muhammad Haziq Ziqree Karim, 6; Putri Nurerina Natasya Karim, 10; dan bapa mereka, Karim Abdullah, 39, ditemukan kelmarin.

### Pencarian dipecah 3 sektor

Ketua Zon 2 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Terengganu, Azman Alias, berkata operasi hari ketiga mencari dan menyelamat (SAR) mangsa, semalam, tertumpu di kawasan sungai.

Katanya, operasi juga ditumpukan di kawasan tebing dan permukaan sungai berikutan penemuan mayat mangsa sebelum ini di kawasan berkenaan dengan kawasan pencarian dipecahkan kepada tiga sektor merangkumi radius 32 km persegi.

"Hari ini (semalam), kita akan tumpu di kawasan Sektor A, B dan C di kawasan sungai dan kita akan buat pencarian juga di kawasan tebing sebab mangsa keempat, kelima dan keenam semalam (kelmarin), kita jumpa semua di darat apabila tersangkut di belukar semak di bawah rimbunan kayu," katanya.

Sementara itu, jenazah enam beranak mangsa tragedi akan dibawa pulang ke kampung mereka untuk dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Felda Lepar Hilir 3, Gambang, Kuantan.

Jenazah Karim dan isterinya Aziah Eiyi, 40, bersama empat anak mereka, Muhammad Zulqarnain Haikal Karim, 11; Putri Nurerina Natasya, 10; Muhammad Haziq Ziqree Karim, 6; dan Putri Aryana Umaira Karim, 4; akan dikebumikan dalam satu liang lahad.

Kakak ipar kepada Allahyarham Azizah, Rosilawati Kassim, 49, berkata semua urusan termasuk bedah siasat selesai dan polis memberi kebenaran membawa pulang jenazah selepas selesai proses memandikan jenazah yang bermula jam 3 petang.

Katanya, ahli keluarga di kampung sudah dimaklumkan mengenainya dan jenazah enam beranak itu akan disolatkan di Masjid Felda Lepar Hilir 3, sebelum dikebumikan.



*Anggota SAR membawa mayat Putri Alleya Maisarah (gambar kecil) yang ditemui petang semalam.* (Foto Rosli Ilham/BH)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KOC WANITA DI MRT, LRT AKAN DIPERKENAL | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 05 JUL 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Koc wanita di MRT, LRT akan diperkenal



*Anthony Loke bersama Syed Hussian (empat dari kanan), Rafiq (tiga dari kiri), Ahmad Zaini (dua dari kanan); Ketua Pegawai Operasi, Media Prima Omnia, Mohd Efendi Omar (tiga dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Audio, Nazri Noran (kanan) di studio berita ketika lawatan ke Sri Pentas, Bandar Utama, semalam.*
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

## Kementerian laksana fasa percubaan laluan Kajang

Oleh Saadiah Ismail dan Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Kementerian Pengangkutan (MOT) akan memperkenalkan sebuah koc wanita di laluan Transit Aliran Massa (MRT) Kajang tidak lama lagi demi keselesaan dan keselamatan penumpang wanita.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata MOT sebelum ini mengambil maklum kebimbangan penumpang wanita setiap kali berada dalam koc yang penuh sesak.

"Kami faham perasaan itu dan sebagai permulaan, koc wanita laluan MRT Kajang itu akan diperkenalkan dalam fasa percubaan untuk mendapatkan maklum balas pengguna.

"Ini memandangkan terdapat banyak cabaran dan kekangan untuk menyediakan koc wanita dalam MRT dan mungkin transit aliran ringan (LRT) selepas ini," katanya selepas melakukan kunjungan rasmi ke Sri Pentas, Bandar Utama, di sini, semalam.

Kunjungan Loke bersama Ahli Parlimen Bangi, Syahredzan Johan disambut Pengerusi Kumpulan MPB, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid dan Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad (MPB), Rafiq Razali.

Turut hadir, Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) merangkap Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

Loke berkata, antara cabaran menyediakan koc wanita untuk MRT dan LRT ialah ia bersifat transit yang agak laju berbanding koc wanita dalam Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang jaraknya antara bandar agak jauh.

"KTMB ada enam koc tetapi MRT dan LRT ada empat koc sahaja, jadi jika dedikasikan satu koc untuk wanita, dari segi operasi agak mencabar dan transit pergerakan penumpangnya agak cepat dan sukar kita kawal.

"Apapun kita cuba perkenalkan untuk MRT dan apakah maklum balas diterima," katanya.

KTM memperkenalkan koc wanita menggunakan warna merah jambu pada 28 April 2010 untuk menarik perhatian penumpang wanita yang merangkumi 60 peratus pengguna.

Bagaimanapun, Loke mengakui pengangkutan awam negara masih perlu diperbaiki dari pelbagai aspek.

### Manfaatkan 2 juta pengguna

Sementara itu, ketika meninjau perkembangan dan prestasi projek LRT3 laluan Shah Alam di Depoh Johan Setia, di Klang, semalam, Loke berkata, projek bermula di Bandar Utama dan berakhir di Johan Setia, itu bakal memberi manfaat kepada dua juta penduduk dan dijangka memulakan operasi 1 Mac 2025.

Beliau berkata, kemajuan projek LRT3 yang sedang rancak dilaksanakan setakat ini mencapai 86 peratus termasuk kerja lain seperti sistem signal.

"Keseluruhan projek dijangkakan menelan kos kira-kira RM16 bilion, jadi kita harap projek ini dapat dilaksanakan dengan baik dan saya yakin semua pihak bekerjasama memastikan perkhidmatan ini beroperasi pada 1 Mac 2025.

"Kita ada 22 set tren tiga koc yang sedang dilaksanakan ujian. Kita jangka LRT3 bakal beri kemudahan kepada lebih dua juta penduduk di sekitar Pantai Barat Lembah Klang terutama dari Petaling Jaya ke Klang.

"Kawasan ini padat dengan penduduk dan pembangunan, jadi kita boleh beri kemudahan kepada puluhan ribu penumpang menggunakan LRT3," katanya.

Loke berkata, kapasiti tren LRT3 ini boleh menampung 18,630 penumpang setiap jam.

"Projek ini ada dua stesen pertukaran iaitu di Bandar Utama yang menghubungkan laluan MRT Kajang Line ke LRT3 dan Glenmarie yang menghubungkan antara Kelana Jaya Line dengan LRT3," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TUBUH JAWATANKUASA ETIKA JAMIN KEBAJIKAN MANUSIA SUBJEK KAJIAN | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 05 JUL 2023 | M/SURAT : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Tubuh jawatankuasa etika jamin kebajikan manusia subjek kajian

- Terdapat beberapa keadaan subjek manusia dalam penyelidikan tidak dijaga betul sehingga mengakibatkan kematian atau kecederaan serius kepada subjek
- Ada situasi kerahsiaan tidak dipatuhi dalam penyelidikan manusia yang membawa pelanggaran privasi dan subjek berpotensi terdedah kepada risiko tinggi





Suzita adalah Penyelaras Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), manakala Syazwan adalah Ahli Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia UPSI

Oleh Dr Suzita Ramli
dan Dr Syazwan Saidin
bhrencana@bh.com.my

**Biasanya** skop etika penyelidikan dilihat dalam konteks menjalankan kajian seperti tanggungjawab penyelidik menggunakan peruntukan kewangan, memiliki integriti semasa membuat penulisan ilmiah berkenaan kajian, tidak ciplak atau meniru idea penyelidik lain dan tanggungjawab ahli kumpulan menyumbang idea dan tenaga kepada kajian berkenaan.

Namun, sejauh manakah pengetahuan atau kesedaran umum mengenai kepentingan menjaga kebajikan manusia yang dijadikan sebagai subjek kajian? Contohnya, bagi keperluan mengenal pasti keberkesanan produk dihasilkan daripada kajian seperti ubat, makanan, kosmetik, alat sukan dan perubatan. Bagi kajian membabitkan sains sosial pula, subjek manusia biasanya digunakan sebagai responden untuk sesi temu bual atau soal selidik.

Oleh itu, kajian seumpama ini ada kala mendatangkan risiko tinggi kepada manusia sebagai subjek seperti masalah kesihatan, gangguan emosi serius dan kecederaan semasa menjadi responden kajian atau risiko rendah umpamanya keletihan atau bosan semasa menjawab soal selidik kajian.

Pengenalpastian dan pengawalan risiko ini penting sehingga menjadi tanggungjawab kepada setiap penyelidik untuk memastikan subjek manusia digunakan dalam kajian selamat, tidak mengganggu emosi dan jika membabitkan pengumpulan data, penyelidik bertanggungjawab untuk menyimpan rekod dengan baik serta tidak boleh diakses mana-mana individu bukan dalam kalangan kumpulan penyelidik berkenaan.

Malangnya, terdapat beberapa keadaan subjek manusia dalam penyelidikan tidak dijaga betul sehingga mengakibatkan kematian atau kecederaan serius kepada subjek, selain kekurangan maklumat berkaitan persetujuan termaklum.

Antara contoh kajian mendatangkan kesan buruk kepada responden ialah kajian Sifilis Tuskegee di Alabama, Amerika Syarikat, apabila beratus-ratus lelaki kulit hitam dengan pendapatan rendah tertarik dengan tawaran seperti makanan percuma, penjagaan kesihatan dan wang pengebumian digunakan sebagai subjek kajian.

Kajian ini dikatakan tidak beretika kerana kebenaran termaklum daripada subjek kajian tidak dilaksanakan dan risiko penyertaan dalam kajian berkenaan tidak didedahkan kepada subjek.

Lebih teruk, 399 subjek manusia dijangkiti penyakit sifilis tidak dirawat selama 40 tahun bagi mengkaji sejarah semula jadi penyakit itu.

Antara contoh lain ialah Eksperimen Penjara Stanford. Pada 1970-an, sekumpulan penyelidik di Universiti Stanford menjalankan eksperimen simulasi persekitaran penjara ke atas pelajar kolej (dipilih secara rawak dan berperanan sebagai banduan atau pengawal) bertujuan mengukur kesan main peranan, pelabelan dan jangkaan sosial terhadap tingkah laku.

Semasa kajian, penganiayaan terhadap responden meningkat pada tahap membimbangkan sehingga ketua penyelidik, iaitu Philip G Zimbardo menamatkan kajian selepas enam hari sahaja pelaksanaannya.

## Eksperimen Penjara Stanford dikritik

Keadaan ini berlaku kerana terdapat responden berperanan sebagai pengawal bersikap kasar dan kurang bertimbang rasa sehingga menimbulkan tekanan serta kebimbangan melampau dalam kalangan responden yang berperanan sebagai banduan.

Kajian ini juga menerima banyak kritikan berkaitan etika penyelidikan terhadap responden seperti kekurangan persetujuan termaklum dan membahayakan kesihatan mental mereka.

Selain itu, terdapat situasi kerahsiaan tidak dipatuhi dalam penyelidikan manusia yang membawa kepada pelanggaran privasi dan subjek kajian berpotensi untuk terdedah kepada risiko tinggi.

Keadaan ini berlaku kepada Henrietta Lacks pada 1950-an apabila doktor yang merawatnya di Hospital Johns Hopkins di Baltimore, Maryland mengekstrak sel daripada tumornya untuk digunakan dalam penyelidikan perubatan tanpa mendapatkan persetujuan individu terbabit.

Lebih memilukan, sel tumor berkenaan digunakan secara meluas dalam penyelidikan saintifik dan *dikomersialkan* tanpa memberi makluman kepada waris Henrietta Lacks mahupun individu itu sendiri.

Penyelidik beretika dan bertanggungjawab perlu mendapatkan persetujuan termaklum daripada responden sebelum mengumpul sebarang data serta memastikan pengenalan diri responden dirahsiakan daripada pengetahuan umum.

Selain itu, penyelidik perlu mengambil langkah untuk melindungi data dan menghalang sebarang akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan. Kes dinyatakan ini menunjukkan betapa pentingnya pematuhan protokol etika penyelidikan dan menjaga kebajikan subjek manusia semasa kajian dijalankan.

Penyelidik harus memastikan subjek diberi maklumat jelas mengenai tujuan dan prosedur penyelidikan dan mendapatkan kebenaran bertulis daripada mereka sebelum penyelidikan dilaksanakan.

Selain itu, penyelidik juga perlu memastikan subjek diberi perlindungan dan penjagaan perubatan mencukupi jika terdapat sebarang kecederaan atau kesan sampingan daripada penyelidikan.

Dengan mematuhi protokol etika penyelidikan dan menjaga kebajikan subjek manusia dalam penyelidikan, kita dapat memastikan penyelidikan dijalankan adalah beretika dan bermanfaat kepada masyarakat.

Oleh itu, bagi memastikan kebajikan manusia sebagai subjek kajian dipelihara, satu jawatankuasa diwujudkan untuk memastikan penyelidikan yang akan dijalankan mengikut prosedur dan garis panduan betul serta tidak melanggar mana-mana etika penyelidikan.

Bagi menjamin kualiti penyelidikan, sesebuah universiti perlu mengambil inisiatif bagi mewujudkan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia bagi menilai dan memantau kajian yang membabitkan manusia dijalankan dengan beretika.

Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia akan menyediakan perkhidmatan untuk menilai permohonan kelulusan etika daripada agensi, individu atau kumpulan penyelidik yang memerlukan kelulusan etika dalam kajian mereka.

> "Penyelidik juga perlu memastikan subjek diberi perlindungan dan penjagaan perubatan mencukupi jika terdapat sebarang kecederaan atau kesan sampingan daripada penyelidikan"



*Kajian Sifilis Tuskegee di Alabama, AS dianggap tidak beretika mengakibatkan 399 subjek lelaki kulit hitam dijangkiti sifilis.* (Foto AGENSI)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUDAK TERBUNUH JATUH TINGKAT 10 | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 05 JUL 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Budak terbunuh jatuh tingkat 10

**Labuan:** Seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun maut selepas dipercayai terjatuh dari tingkat 10 sebuah apartmen, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 5.28 pagi itu, mayat mangsa ditemui di tingkat satu bangunan berkenaan.

Ketua Polis Daerah Labuan, Superintendan Ahmad Jawila berkata, siasatan awal mendapati mangsa warga tempatan tinggal di tingkat 10 apartmen berkenaan.

"Mangsa dipercayai terjatuh dari bahagian tepi bangunan berpagar berdekatan dengan lif apartmen.

"Pegawai perubatan yang hadir di lokasi pada 7.42 pagi mengesahkan mangsa sudah meninggal dunia," katanya dalam kenyataan, di sini.

Menurutnya, mangsa dibawa ke Unit Forensik Hospital Labuan untuk bedah siasat.

"Siasatan awal polis mendapati tiada unsur jenayah dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR)," katanya.



**LOKASI penemuan mayat remaja perempuan yang terjatuh di sebuah apartmen di Labuan.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERKENAL KOC WANITA MRT LALUAN KAJANG | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 05 JUL 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Perkenal koc wanita MRT laluan Kajang

**Petaling Jaya:** Perkhidmatan koc wanita Transit Aliran Massa (MRT) laluan Kajang akan diperkenalkan dalam masa terdekat.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, beliau akan mengumumkan fasa percubaan koc berkenaan tidak lama lagi sebagai salah satu inisiatif memahami kesulitan dialami golongan wanita.

"Koc wanita yang dilaksanakan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sejak beberapa tahun lalu memang satu perkhidmatan diminati golongan wanita.

"Kita faham pengguna pengangkutan awam terutama wanita ada kebimbangan keselamatan dan rasa tidak selesa kalau berpusu-pusu dalam satu gerabak bimbang diganggu dan sebagainya jadi kita akan cuba perkenalkan koc wanita untuk MRT" katanya selepas mengadakan lawatan ke Sri Pentas di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Loke berkata, memang ada kekangan dan cabaran apabila memperkenalkan koc wanita dalam MRT.

"Berbeza dengan komuter KTMB, perjalanannya antara bandar jarak jauh dan tidak banyak stesen. KTMB ada enam koc tetapi MRT dan LRT ada empat koc saja jadi kalau dedikasikan satu koc untuk wanita maka dari segi operasi agak mencabar dan transit pergerakan penumpangnya agak cepat dan sukar kita kawal.

"Apapun kita akan cuba perkenalkan koc wanita ini untuk MRT dan kita lihat apakah maklum balas daripada rakyat nanti," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RUGI RM200K | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 05 JUL 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Rugi RM200K

## *Lelaki diperas ugut wanita dikenali di media sosial mahu sebar gambar, video bogel*

**Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri**
am@hmetro.com.my

**Kuala Kangsar**

Bimbang gambar dan video bogelnya tersebar menyebabkan seorang lelaki mengalami kerugiaan RM200,000 selepas menjadi mangsa pemerasan seorang wanita dikenalinya melalui laman sosial Facebook (FB).

Ketua Polis Perak Datuk Mohd Yusri Hassan Basri, berkata laporan diterima daripada mangsa yang bekerja sebagai mekanik jam 1.49 tengah hari kelmarin menyatakan dia diugut suspek bagi menyerahkan wang kepadanya.

Katanya, hasil soal siasat mendapati mangsa hanya mengenali suspek melalui FB sebelum diminta menerima panggilan video suspek dan sejurus panggilan video itu diterima, mangsa mendapati suspek dalam keadaan berbogel selain melakukan aksi ghairah terhadap mangsa.

Katanya, suspek yang terpengaruh dengan aksi suspek kemudiannya turut sama berbogel dan melakukan perkara tidak senonoh bersama suspek tanpa menyedari bahawa aksi mangsa dirakam oleh suspek.

"Mangsa hanya menyedari perkara itu selepas suspek menghantar rakaman terbabit kepadanya, sejurus panggilan video itu ditamatkan.

"Suspek menyatakan, sekiranya mangsa enggan membayar, dia akan menyebarkan video rakaman aksi lucah mangsa melalui media sosial," katanya menerusi kenyataan semalam.

Menurutnya lagi, mangsa kemudiannya melakukan pemindahan wang sebanyak 38 kali secara perbankan dalam talian kepada lima akaun bank pemilik berbeza.

"Mangsa dianggarkan mengalami kerugian sebanyak RM200,000 melalui pemerasan itu," katanya.

Mohd Yusri berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan dan oleh itu pihaknya menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dengan individu yang baharu sahaja dikenali melalui media sosial sehingga boleh mempengaruhi untuk melakukan perkara di luar dugaan, seterusnya menjadi mangsa terhadap jenayah pemerasan.




> **"Mangsa melakukan pemindahan wang sebanyak 38 kali secara perbankan dalam talian**
> Mohd Yusri

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RUMAH DITEMBAK DISANGKA BUDAK NAKAL MAIN MERCUN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 05 JUL 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Rumah ditembak disangka budak nakal main mercun

**Bagan Serai:** "Saya sangkakan budak nakal main mercun tapi takkan pada waktu pagi," kata pemilik rumah berusia 50-an selepas kediamannya di sini ditembak individu tidak dikenali awal pagi semalam.

Dalam kejadian 2.50 pagi itu, mangsa baru keluar dari bilik air sebelum terdengar bunyi letupan di pekarangan rumah yang sangkanya ada orang bermain mercun.

Dia yang enggan namanya disiarkan berkata, sebaik melihat keluar tingkap, dia mendapati seorang lelaki bertopeng dan memegang senjata dipercayai pistol melepaskan tembakan rambang ke arah rumahnya.

"Saya segera mengejutkan suami yang tidur dan menghubungi polis memaklumkan kejadian," katanya ditemui pagi semalam.

> *Turut ditemukan lima kelongsong peluru kaliber 9mm. Dalam kejadian itu, mangsa tinggal bersama suami dan empat anak"*
>
> **Mohd Yusri Hassan Basri**

Menurutnya, suaminya juga berusia 50-an pengusaha kerang dan tidak mempunyai sebarang musuh.

Sementara itu, Ketua Polis Perak Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, pemeriksaan mendapati terdapat kesan tembakan pada kereta, motosikal serta pintu cermin rumah mangsa.

"Turut ditemukan lima kelongsong peluru kaliber 9mm. Dalam kejadian itu, mangsa tinggal bersama suami dan empat anak," katanya.

Beliau berkata, suspek yang menunggang motosikal melepaskan beberapa das tembakan ke arah rumah mangsa dan polis masih menyiasat motif kejadian.

